

## SOALAN NO. 18

### JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasa undang-undang seperti PDRM, MCMC, KPDNKK dan lain-lain akan terus memantau dan bekerjasama dalam mengambil tindakan berdasarkan lunas-lunas perundangan sedia ada.

Sebagai inisiatif jangka panjang pula cadangan pindaan telah dijalankan ke atas Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bermula April 2015. Ingin saya tekankan bahawa cadangan pindaan ini tidak hanya terhad dalam menangani isu media sosial semata-mata. Ia turut mengambil kira isu-isu lain berkaitan industri komunikasi dan multimedia termasuklah isu pembangunan, pelesenan, kawal selia, kepenggunaan, kesalahan dan hukuman. Pada ketika ini, cadangan pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah dikemukakan dan berada di bawah perhatian dan tindakan Jabatan Peguam Negara.